

# Prestasi industri automotif membimbangkan

**W**ALAU PUN keadaan ekonomi negara berada pada paras membimbangkan, prestasi ditunjukkan industri automotif semakin membimbangkan. Baru-baru ini, media melaporkan, penjualan kenderaan turun 15 peratus berbanding tahun lalu.

Perkara disalahkan adalah kesukaran bakal pembeli mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

Setiap kali prestasi industri automobil negara berada pada tahap membimbangkan, maka bank juga dipersalahkan.

Cubalah kita buka mata dan cari faktor lain yang boleh menjadi penyumbang kepada fenomena ini. Siapa tidak mahu memiliki kereta baru? Sebenarnya, faktor tidak mengizinkan mereka membeli kenderaan baru adalah kos untuk melepaskan kenderaan lama mereka adalah tinggi.

Sebagai contoh, sebuah kereta salun biasa yang dibeli pada 2005 dengan harga RM63,000, kini hanya bernilai RM40,000 di pasaran.

Di sini kita dapat lihat perbezaan RM23,000 dalam masa tidak sampai dua tahun.

Ramai menyatakan kereta ini mempunyai harga alat gantinya mahal sedangkan ia dibuat sepenuhnya di dalam negara dan bukan diimport masuk seperti tujuh tahun dulu.

Ada pihak menyatakan bahawa ke-

reta ini manja dan perlukan penjagaan rapi.

Siapakah sebenar dalang mempengaruhi harga pasaran? Adakah pihak bank, insurans, bengkel atau pengusaha kereta terpakai?

Golongan yang membuat spekulasi harga pasaran kenderaan sebenarnya merosakkan harga kenderaan terpakai di negara kita, menyebabkan ramai pengguna terpaksa berfikir ribuan kali untuk menukar kenderaan baru.

Jika diambil contoh tadi, katakanlah individu berkenaan tidak membayar wang pendahuluan untuk kereta itu dan ingin menjual keretanya sekarang untuk mengambil kereta baru.

Secara kasarnya, beliau terpaksa menokok kira-kira RM10,000 kepada bank jika hendak menjual kereta beliau untuk membeli kereta baru.

Diharap pihak berwajib dapat membantu mengembalikan kepercayaan pengguna untuk membeli kenderaan baru.

Jangan biarkan pemilik kenderaan lama terpaksa begolok bergadai untuk melupuskan kenderaan mereka.

**MOHAMMAD  
NOORIZZUDDIN NOOH,**  
*Fakulti Ekonomi dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia*  
Nilai